AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : RANGKUMAN

Usah memandai buat 'locum'

Graduan perubatan kerja doktor sambilan diberi amaran

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Berdepan kesukaran untuk bergelar seorang doktor atau gagal mendapat sijil amalan perubatan daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Itu antara risiko yang mungkin dihadapi graduan perubatan sekiranya mereka dikesan melakukan 'locum' atau berkhidmat sebagai doktor sambilan di klinik swasta di seluruh negara.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, pihaknya memberi amaran kepada graduan perubatan yang baru menamatkan pengajian atau sedang menunggu tawaran penempatan supaya tidak berkhidmat sebagai doktor sambilan kerana mereka belum mempunyai sijil amalan perubatan.

Malah, katanya, sekiranya dikesan, mereka boleh dikenakan tindakan kerana melakukan tugas sebagai seorang doktor yang tidak sah dan boleh diambil tindakan mengikut undang-undang sedia ada.

"Mereka yang tidak mempunyai sijil amalan perubatan tidak boleh bekerja di mana-mana klinik. Saya harap mereka tidak mengambil risiko itu sebaliknya sabar menunggu penempatan masing-masing.

"Saya difahamkan, tindakan (berkhidmat sebagai doktor sambilan) itu diambil kerana mereka bimbang hilang pengetahuan yang mereka pelajari selama ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

> "Mereka yang tidak mempunyai sijil amalan perubatan tidak boleh bekerja di mana-mana klinik. Saya harap mereka tidak mengambil risiko itu sebaliknya sabar menunggu penempatan masing-masing"
>
> *Dr Subramaniam*

Katanya, pihaknya juga mengingatkan doktor perubatan yang mempunyai klinik sendiri supaya tidak mengambil graduan perubatan sebagai doktor sambilan kerana mereka juga boleh diambil tindakan mengikut undang-undang sedia ada.

Dalam perkembangan sama, Dr Subramaniam berkata, pihaknya sudah membentangkan cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya memendekkan tempoh menunggu penempatan bagi graduan perubatan daripada enam ke sembilan bulan kepada empat hingga lima bulan.

"Kami masih menunggu kelulusan cadangan berkenaan dan jika ia diluluskan graduan perubatan tidak perlu menunggu lama untuk mendapat penempatan di hospital kerajaan.

"Kami menjangkakan isu berkenaan dapat diselesaikan akhir tahun ini. Setiap tahun, seramai 5,000 graduan perubatan menamatkan pengajian masing-masing dan 4,000 jawatan diluluskan setiap tahun," katanya.

Katanya, pihaknya juga akan mengemukakan cadangan sama bagi graduan doktor pergigian dan farmasi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Tiada vaksin tiruan dijual di negara ini

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan menyatakan pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai vaksin tiruan dijual di negara ini susulan kontroversi menyelubungi Indonesia selepas terbongkarnya sindiket vaksin tiruan di negara itu.

Ketika dihubungi *Bernama*, semalam, Setiausaha Akhbar Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam, K Sivakumar mengesahkan tiada sebarang penjualan vaksin tiruan, dan menurutnya kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri memantau kegiatan haram itu daripada memasuki negara ini.

"Tiada sebarang penjualan vaksin tiruan di negara ini dan kami sentiasa memantau aliran ubat-ubatan dan vaksin ke negara ini.

"Kami (di kementerian) masih belum menerima sebarang laporan mengenai penjualan vaksin tiruan di negara ini," katanya ketika diminta mengulas bagi pihak kementerian mengenai sama ada pemeriksaan dilakukan untuk memantau penjualan vaksin tiruan susulan pendedahan skandal itu di Indonesia.

Media Indonesia baru-baru ini mendedahkan sindiket itu yang menjalankan perniagaan secara besar-besaran dengan vaksin tiruan itu dikendalikan oleh doktor serta jururawat dan dicampur dengan antibiotik, sebagai suntikan bagi hepatitis C, hepatitis A, tetanus dan batuk untuk orang dewasa serta kanak-kanak.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Amaran untuk lulusan perubatan

PUTRAJAYA - Lulusan perubatan yang masih belum mempunyai sijil pengamal perubatan tidak dibenarkan bekerja sebagai doktor sambilan di mana-mana klinik atau hospital swasta di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam memberi amaran, sekiranya ingkar peraturan itu, mereka berisiko ditangkap dan diambil tindakan mengikut Kanun Prosedur Jenayah kerana menawarkan perkhidmatan perubatan secara haram.

Menurutnya, ini kerana mereka masih belum diiktiraf Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan perbuatan itu boleh dianggap sebagai jenayah iaitu menyamar sebagai doktor kerana ijazah perubatan dimiliki bukan lesen sah untuk merawat pesakit.

"Pelajar lepasan perubatan ini tidak boleh menyentuh atau merawat pesakit, sekiranya mahu memerhati cara atau belajar daripada doktor terlatih, ia dibenarkan."
- Subramaniam

"Sebagai contoh, sekiranya pelajar lepasan perubatan yang tidak diiktiraf menyuntik pesakit dan kalau ia jadi kes sehingga pesakit buat laporan polis, kementerian akan menyiasat latar belakangnya.

"Dan apabila mendapati doktor itu tidak mendaftar di bawah MMC dan tidak mempunyai sijil pengamal perubatan, maka tindakan jenayah boleh diambil ke atas mereka dan ada kemungkinan tidak lagi layak menjalani latihan pengamal perubatan tersebut," katanya pada sidang media, semalam.

Mengenai alasan lulusan perubatan sedang menunggu ditempatkan sebagai doktor pelatih di hospital kerajaan untuk bekerja kerana khuatir pengetahuan dan kemahiran akan hilang, Dr Subramaniam berkata, alasan itu tidak boleh diterima.

"Pelajar lepasan perubatan ini tidak boleh menyentuh atau merawat pesakit, sekiranya mahu memerhati cara atau belajar daripada doktor terlatih, ia dibenarkan.

"Tetapi menawarkan perkhidmatan secara sambilan dan menerima duit melalui kegiatan itu adalah salah dan melanggar undang-undang negara ini," katanya.

Mengakui tempoh menunggu sangat panjang bagi mendapatkan tempat sebagai doktor pelatih di hospital kerajaan, Dr Subramaniam berkata, kementerian sedang mencari penyelesaian mengatasi masalah itu dan dijangka selesai pada akhir tahun ini.

"Saya harap graduan perubatan, pergigian dan farmasi dapat bersabar kerana sekiranya cadangan berkenaan diterima JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) untuk mengurangkan tempoh menunggu kepada empat hingga lima bulan berbanding tempoh sekarang, enam hingga sembilan bulan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Subramaniam menolak persepsi mengatakan Malaysia tidak mempunyai pakar untuk merawat dan mengawal penagih dadah di negara ini.

Buat masa ini katanya, kementerian mempunyai 414 klinik methadone (359 klinik kesihatan dan 55 di hospital) untuk merawat 41,265 pesakit ketagihan dadah di seluruh negara.

"Secara am, kementerian mempunyai 191 pakar perubatan psikiatri untuk merawat ketagihan dadah dan daripada jumlah itu, enam ada latihan lanjutan sub-kepakaran di dalam bidang itu," katanya. - *Bernama*